

GARIS PANDUAN PERMOHONAN KENAIKAN PANGKAT JAWATAN AKADEMIK

1. Am

Panduan ini menerangkan cara-cara permohonan mengenai kenaikan pangkat pegawai akademik di Universiti Pendidikan Sultan Idris.

2. Syarat Skim Perkhidmatan

Skim Perkhidmatan Pensyarah Universiti adalah berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Bil. 20 Tahun 2008 Perubahan Skim Perkhidmatan Pensyarah Universiti, Pensyarah Perubatan, Pensyarah Pergigian dan Pensyarah UiTM. Pegawai akademik yang hendak ditimbangkan untuk kenaikan pangkat ke jawatan atau gred yang lebih tinggi dalam skim berkaitan perlu memenuhi syarat-syarat yang seperti berikut:

2.1 Kenaikan Pangkat Ke Jawatan Profesor Madya

Pensyarah Universiti Gred DS52/51 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Profesor Madya Gred DS54/DS53 apabila:

- i. Telah disahkan dalam perkhidmatan;
- ii. Laporan Penilaian Prestasi Tahunan tidak kurang 80% untuk 3 tahun terakhir;
- iii. Diperakukan oleh Ketua Jabatan. **dan**
- iv. Memenuhi semua kriteira kenaikan pangkat yang telah ditetapkan.

2.2 Kenaikan Pangkat Ke Jawatan Profesor

Profesor Madya Gred DS54/53 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Profesor VK5/6/7 apabila:

- i. Telah disahkan dalam perkhidmatan;
- ii. Laporan Penilaian Prestasi Tahunan tidak kurang 80% untuk 3 tahun terakhir;
- iii. Diperakukan oleh Ketua Jabatan. **dan**
- iv. Memenuhi semua kriteira kenaikan pangkat yang telah ditetapkan.

3. Cara Mohon: Langkah 1 – Jenis dan bilangan dokumen

- 3.1 Dokumen boleh dicapai melalui Laman Web <http://bsm.upsi.edu.my> adalah seperti berikut:
- 3.2 Garis Panduan Permohonan Kenaikan Pangkat/Lantikan Ke Gred Yang Lebih Tinggi Kakitangan Akademik Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI).
- 3.3 Borang Skor Kriteria Kenaikan Pangkat BSM001 atau BSM002 atau BSM003 mengikut jawatan dipohon.
- 3.4 Senarai Semak Permohonan Kenaikan Pangkat Akademik.

4. Permohonan yang lengkap mestilah mengandungi perkara-perkara seperti berikut:

- 4.1 Senarai Semak.
- 4.2 Curriculum Vitae Bahasa Melayu/Bahasa Inggeris yang terkini (CV online UPSI) – 1 salinan.
- 4.3 Rekod penerbitan, penyelidikan, khidmat masyarakat dan lain-lain dokumen yang berkaitan.
- 4.4 Borang Skor Kriteria – BSM001 atau BSM002 atau BSM003 (mengikut jawatan dipohon).
- 4.5 Borang Cadangan Penilai Luar (sekurang-kurang 10 orang).
- 4.6 Borang Maklumat Perujuk Peribadi .

5. Peringatan:

- 5.1 Perkara 4.2 hingga 4.6 hendaklah dimasukkan dalam “*folder ring file*” (“**comb binding**” **tidak benarkan**) dan di “*tagging*” dengan kemas. Perkara 4.1 perlu diletakkan sebagai muka hadapan permohonan.
- 5.2 Sila pastikan perkara A (iii) - Panduan mengisi Borang dalam Garis Panduan Permohonan Kenaikan Pangkat/Lantikan Ke Gred Yang Lebih Tinggi Kakitangan Akademik Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) iaitu (Penerbitan jurnal, e-jurnal dan prosiding disertakan salinan “*author search*” pangkalan data ISI atau pangkalan data antarabangsa lain) disemak dan disertakan sekiranya ada/berkaitan.

6. Cara Mohon: Langkah 2 – Tarikh Penerimaan Permohonan

Pemohonan yang lengkap hendaklah dihantar ke Pendaftar, UPSI melalui Dekan Fakulti.

Sekiranya permohonan diterima selepas proses semakan dibuat oleh Penilai, permohonan tersebut akan diproses pada eksekusi berikutnya.

7. Pertanyaan

Sebarang pertanyaan mengenai perkara di atas, sila hubungi

Unit Perjawatan Akademik
Bahagian Sumber Manusia
Universiti Pendidikan Sultan Idris
Tel: 05 4506339/6338/6328
Fax: 05 4595429/459 5488

Bahagian Sumber Manusia
Unit Perjawatan Akademik

AAL/mm/GpanduanKriteriaKPangkat_2016